



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA BEKERJASAMA DENGAN IAEA BAGI MEMASTIKAN SEKURITI NUKLEAR GLOBAL DALAM KEJOHANAN PIALA DUNIA FIFA QATAR 2022

PUTRAJAYA, 17 Oktober 2022 - Malaysia berbangga kerana dapat berkongsi pengalaman positif yang diperoleh melalui penubuhan Pusat Sokongan Sekuriti Nuklear (NSSC) dengan inisiatif Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dalam membangunkan keupayaan negara untuk pengesanan dan tindak balas sekuriti nuklear.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, "NSSC membolehkan Malaysia membangunkan keupayaan dalaman melibatkan penggunaan, ujian penerimaan dan penyelenggaraan peralatan pengesanan sinaran bagi menyokong operasi pengesanan dan tindak balas sekuriti nuklear dengan kos efektif yang mampan."

Hasil daripada pencapaian ini, Malaysia melalui Jabatan Tenaga Atom, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), telah mengambil langkah ke hadapan dengan menandatangani ***Partnership Agreement on the Establishment of a Loaner Pool for Radiation Detection Equipment (Loaner Pool)*** dengan IAEA secara atas talian pada 25 September 2020 ketika berhadapan cabaran pandemik COVID-19.

Di bawah inisiatif *Loaner Pool*, Malaysia menerima penempatan dan menguruskan peralatan pengesanan sinaran bernilai **RM3,078,634** yang boleh digunakan untuk aktiviti keselamatan dan sekuriti nuklear dalam negara, termasuk untuk tujuan

pembangunan keupayaan apabila peralatan tersebut tidak digunakan oleh mana-mana Negara Anggota IAEA, serta untuk perkongsian amalan terbaik dengan pihak berkepentingan dalam negara dan antarabangsa.

Pada tahun ini, peralatan yang diuruskan di bawah *Loaner Pool Malaysia* akan digunakan untuk Piala Dunia FIFA Qatar 2022 di Doha. Malaysia berbangga dapat bekerjasama dengan IAEA melalui inisiatif ini dalam memastikan sekuriti nuklear secara global semasa acara besar dunia seumpama ini.

Peralatan yang serupa juga digunakan sebelum ini dalam melaksanakan langkah sekuriti nuklear semasa acara awam besar di Malaysia seperti Sambutan Hari Kebangsaan, Sukan Asia Tenggara (SEA), Sukan PARA ASEAN dan Sukan Malaysia (SUKMA).

Dato' Sri Dr. Adham hari ini mengadakan pertemuan bersama lapan pakar daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang turut dihadiri wakil-wakil daripada Jabatan Tenaga Atom, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

Pakar-pakar luar jempunan IAEA daripada Amerika Syarikat, Pakistan, Perancis, Sepanyol, United Kingdom dan Vietnam ini berada di Malaysia selama 10 hari dari 11-21 Oktober 2022 bagi menghadiri Misi Pakar Perkhidmatan Sekuriti Nuklear Antarabangsa (INSServ), bertujuan membantu Malaysia mengenalpasti ruang untuk penambahbaikan dalam melaksanakan regim kawalan sekuriti nuklear secara berkesan dan lestari yang memfokus kepada kaedah pencegahan dan pengesanan kejadian sekuriti nuklear yang boleh mengancam keselamatan negara.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

17 OKTOBER 2022